

# Negara sasar pengeluaran bawang merah skala besar

BERITA HARIAN MS: 6 4/6/2022

MARDI kenal pasti kawasan, kurangkan 40 peratus kebergantungan import

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Serdang:** Malaysia menasarkankan pengeluaran bawang merah dalam skala besar menjelang 2023 yang dijangka dapat mengurangkan kebergantungan import bahan kering itu antara 30 hingga 40 peratus.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid, berkata Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sudah mengenal pasti beberapa kawasan untuk daya usaha berkenaan.

Pada sidang media di sini semalam, beliau memaklumkan, projek perintis bagi penanaman bawang secara besar-besaran itu dilaksanakan di kawasan MARDI di Bachok, Kelantan dan sekiranya ia berhasil, pihaknya akan memperluaskan ke seluruh negara.

“Jika ini (projek perintis) berjalan baik, kita boleh buat penuaian pertama pada September depan, seterusnya pertengahan tahun depan kita akan perluas ke seluruh Malaysia. Jadi dapat keluarkan bawang sendiri, ia membantu mengurangkan antara 30 hingga 40 peratus kebergantungan import,” katanya.

Turut hadir, Ketua Pengarah



Haslina bersama Mohamad Zabawi melihat hasil tanaman bawang Malaysia pada sidang media di Ibu Pejabat MARDI Serdang, semalam. (Foto Hazreen Mohamad/BH)

MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani dan Pengarah Pusat Penyelidikan Hortikultur MARDI, Dr Zulhazmi Sayuti.

Haslina berkata, Malaysia mengimport sepenuhnya bawang dan menjadi antara negara pengimport utama di dunia, malah sebanyak 484,867 tan dengan nilai RM902.5 juta diimport pada tahun lalu bagi memenuhi permintaan pengguna.

Tahun lalu juga, katanya, purata penggunaan per kapita tahunan bawang di negara ini adalah sebanyak 17 kilogram setahun dan nilai purata penggunaan setiap bulan adalah 1.4 kilogram.

India menjadi pembekal bawang terbesar ke Malaysia iaitu

sebanyak 57 peratus, diikuti China (20 peratus) dan Pakistan (11 peratus).

“Bagaimanapun, pasaran bawang kini mengalami krisis pengeluaran terutama di India dan menyebabkan eksport dari negara berkenaan turun sebanyak 30 peratus serta mendorong kenaikan harga di pasaran.

“Cabaran utama kita dalam isu bawang ini adalah kebergantungan penuh kepada bahan import dan ketidakstabilan harga pasaran dunia,” katanya.

Mengenai kos diperlukan untuk projek penanaman bawang berkenaan, Haslina berkata, ada dua kos pada peringkat awal yang memerlukan sekitar RM35,000 bagi penanaman di kawasan se-

luas satu hektar, iaitu kos input dan infra.

“Namun bila sudah memasuki fasa kedua, kos yang diperlukan akan berkurangan kepada RM25,000. Hasil dari satu hektar itu boleh dapat dalam RM42,000 dan boleh tanam sehingga 220,000 pokok bawang dengan pengeluaran sehingga sembilan tan.

“Kita juga sudah membuat kira-kira kosnya, kita sasarkan tiga musim penanaman dalam tempoh setahun. Untuk musim pertama, mungkin kosnya tinggi sedikit kerana nak bangun infrastruktur, tapi pendapatan bersih boleh cecah RM7,000 hingga RM8,000. Musim kedua, pendapatan akan berganda,” katanya.